

**Puteri Umno Digesa Menentang Keras Program Seksualiti Merdeka
Bernama
30 November, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Seorang anggota perwakilan Puteri Umno Wilayah Persekutuan hari ini menggesa pergerakan itu menentang sekeras-kerasnya program Seksualiti Merdeka yang menghimpunkan golongan serta pendukung lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT).

Ketua Puteri Umno Bahagian Segambut Huzry Fionnawatty Hussein berkata ini kerana program itu bukan sahaja bercanggah dengan ajaran Islam malah agama lain juga mengharamkan hubungan sesama jenis.

"Budaya ini bukan hanya mengancam pembangunan sosial malah ia juga satu ancaman kepada negara sekiranya tidak dibendung dalam masa lima hingga 15 tahun," katanya semasa membahaskan ucapan dasar Ketua Pergerakan Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin pada Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri Umno 2011 di sini, hari Rabu.

Huzry Fionnawatty yang membahaskan isu sosial berkata negara ini mempunyai peraturan, budaya dan hukum yang menjadi pegangan rakyat supaya tidak tersasar dan menyimpang daripada landasan yang benar.

Katanya, Puteri Umno haruslah berganding bahu menangani isu ini dan jangan sesekali lupa akan sejarah tamadun manusia yang mencatatkan bahawa golongan homoseks ini dilaknat oleh Allah s.w.t serta tidak boleh diterima sama sekali.

Beliau menegaskan bantahan tidak semestinya perlu dipikul oleh golongan ulama sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat terutamanya Puteri Umno dalam usaha memupuk kesedaran umum.

Negara digemparkan dengan penganjuran program Seksualiti Merdeka 2011 pada awal bulan lepas bertujuan menuntut hak kesaksamaan gender serta mengiktiraf pengamal seks songsang untuk mengamalkan gaya hidup pilihan mereka secara sah dan terbuka.

Turut membahaskan isu berkenaan ialah Ketua Puteri Umno Bahagian Jerai, Kedah Hasfizatulnisah Mat Isa dan Ketua Puteri Umno Bahagian Bachok, Kelantan, Che Hanuni Che Ali.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630956>